

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : SESI WAKTU PERTANYAAN-
PERTANYAAN MENTERI**

DARIPADA : YB TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR]

TARIKH : 26 JULAI 2018 (KHAMIS)

SOALAN : 1

Tuan Ahmad bin Hassan [Papar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan susulan daripada cadangan AirAsia untuk memindahkan semula operasinya ke Terminal 2, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) dan perancangan AirAsia untuk memulakan penerbangan dari Kota Kinabalu ke India, China, Jepun, Korea dan Australia. Apakah pendirian Kerajaan dalam perkara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kapasiti penumpang yang boleh ditampung oleh Terminal 1, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) adalah sebanyak 9 juta penumpang setahun. Pada tahun 2017, KKIA telah mengendalikan seramai 8,004,449 orang penumpang. Penumpang AirAsia merupakan penyumbang terbesar kepada statistik kendalian penumpang di lapangan terbang tersebut iaitu seramai 4,154,000 orang penumpang. Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) telah mengunjurkan kapasiti Terminal 1 akan mencapai had kapasiti maksimum pada tahun 2021.

Oleh yang demikian, Kerajaan mengambil pendekatan bersifat terbuka dalam sebarang cadangan daripada syarikat swasta untuk membantu merencanakan ekonomi negara. Pendirian Kerajaan Pakatan Harapan adalah untuk menyokong pertumbuhan industri pelancongan di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, AirAsia sememangnya ada menyediakan perkhidmatan penerbangan daripada Kota Kinabalu ke beberapa destinasi antarabangsa termasuk China. Kementerian Pengangkutan sentiasa menyokong dan menggalakkan mana-mana syarikat penerbangan untuk mewujudkan perkhidmatan penerbangan antarabangsa dari Kota Kinabalu.